KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	11/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	PERHILITAN			

PGA patahkan cubaan sekumpulan lelaki seludup burung kuang

Tumpat: Sekumpulan lelaki bertindak melarikan diri dengan menaiki bot galah ke Thailand apabila pangkalan haram Paija di Pengkalan Kubor, di sini, diserbu Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA), semalam.

Serbuan dilakukan pada jam 6 pagi selepas anggota PGA mengesan aktiviti mencurigakan beberapa lelaki sedang memunggah kotak di tebing Sungai Golok.



Azhari Nusi

Pegawai Pemerintah Medan, Superintendan Azhari Nusi berkata, ketika rondaan, beberapa lelaki dilihat sedang memunggah kotak berwarna coklat dari sebuah perahu ke dalam kereta.

"Sebaik menghampiri kumpulan lelaki terbabit, mereka bertindak melarikan diri menaiki perahu ke arah Thailand dan meninggalkan sejumlah kotak di bahagian penumpang belakang dan dalam bonet kereta Proton Iswara.

"Hasil pemeriksaan dalam kotak menemui 12 burung kuang yang diseludup dari negara jiran dan dianggarkan bernilai RM12,000," katanya.

Katanya, semua burung itu dipercayai untuk pasaran sekitar Pengkalan Kubor terutama di beberapa kampung berhampiran.

Beliau berkata, semua burung bersama kereta terbabit dirampas dan kes disiasat mengikut Seksyen 60 (1) (a) Akta Perhilitan 1972.

BH,11 Okt 2021_22



Antara burung kuang yang dirampas PGA di Pengkalan Kubor, Tumpat, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)